

Penduduk mahu Klinik 1Malaysia



● Blok 15 yang dicadangkan menjadi lokasi Klinik 1Malaysia yang masih belum dilakukan proses ubahsuai.
(Gambar kecil) Azman Ariffin

SHAH ALAM - Lokasi Klinik 1Malaysia di Kota Kemuning, dekat sini masih menjadi tanda tanya kepada penduduk sekitar kerana tiada sebarang pengubahsuaian terhadap bangunan dilakukan terutamanya di Sri Nervilla yang terletak di Jalan Anggerik Nervilla, 31/166, dekat sini.

Difahamkan, pada mulanya Klinik 1Malaysia akan dibina di Blok 22, Sri Nervilla namun mengalami masalah dan dikatakan berpindah ke Bilik Pengurusan Blok 15 tetapi sehingga ke hari ini blok itu masih seperti biasa.

Kira-kira 5,000 penduduk sekitar Sri Nervilla berharap pembinaan Klinik 1Malaysia direalisasikan bagi memudahkan mereka mendapatkan rawatan kerana selama ini mereka mendapatkan rawatan dari klinik kerajaan yang terdekat iaitu di Klinik Kesihatan Seksyen 7 dan kadangkala akan ke Klang yang terletak jauh kawasan penempatan mereka.

Seorang penduduk yang dikenali sebagai Mustafa Abdullah berkata, cadangan pembinaan Klinik 1Malaysia di Blok 22 merupakan kawasan strategik dengan kemudahan tempat meletak kereta dan sebagainya.

"Sebelum ini pihak pema-ju tidak membenarkan pembinaan Klinik 1Malaysia di blok tersebut yang merupakan kedai dobi walaupun pada asalnya pemaiu telah

bersetuju dengan cadangan itu yang disuarakan oleh penduduk dan Pejabat Kesihatan Daerah Petaling.

"Penduduk di sini amat memerlukan klinik kerana kepadatan penduduk di sekitar Kota Kemuning menghampiri 20,000 orang dan hanya mendapatkan rawatan di klinik swasta sahaja yang perlu mengeluarkan kos yang mahal," katanya.

"Ya memerlukan kos yang besar kerana perlu menaiki teksi dengan bayaran sekitar RM60 pergi dan balik manakala menaiki bas perlu bertukar sebanyak dua kali.

"Masalah itu memberi-kan kerumitan kepada penduduk kerana membazirkan masa penduduk dan wang semata-mata untuk mendapatkan rawatan," katanya.

Mustafa berkata, penduduk berharap Klinik 1Malaysia akan menjadi kenyataan pada suatu hari nanti kerana selama ini hanya ada klinik bergerak sahaja iaitu setiap hari Jumaat minggu terakhir dan rawatan diberikan oleh Klinik Kesihatan Seksyen 7 yang memberikan perkhidmatan kepada pemeriksaan dan rawatan kepada bayi.

"Selama ini penduduk terpaksa mendapatkan rawatan di dua buah klinik swasta berhampiran yang hanya beroperasi sehingga jam 10 malam sahaja sekiranya pada waktu tengah malam kami terpaksa ke kawasan Shah Alam atau tamanva di Seksyen 20 atau

hospital kerajaan seperti di Klang," katanya.

Sementara itu, penolong Ketua Blok 19, Zulkefli Yusof berkata, Klinik 1Malaysia yang dikatakan akan dibina kawasan Sri Nervilla yang mempunyai 14 blok itu menunjukkan kerajaan prihatin terhadap kawasan mempunyai kepadatan penduduk yang berpendapatan rendah dan mengutamakan kebajikan kepada rakyat.

Menurutnya, selama ini mereka terpaksa mendapatkan rawatan di Klinik Kesihatan Seksyen 7 dan sekiranya berlaku kemalangan, mangsa terpaksa menunggu kehadiran ambulans hampir sejam.

"Bagi penduduk Blok 21, Azman Ariffin, 36 berkata, Klinik 1Malaysia yang diperkenalkan itu merupakan salah satu bukti kerajaan mendahulukan keperluan rakyat kerana dengan adanya klinik itu ia memberi kemudahan kepada rakyat di kawasan bandar.

"Apa yang penting sekarang ialah kualiti perkhidmatan yang diberikan dan memudahkan rakyat daripada banyak tetapi tidak berfungsi dengan sepatutnya dan saya berharap agar klinik tersebut beroperasi selama 24 jam.

"Penduduk setempat yang berhadapan dengan kecemasan pada waktu malam tidak perlu menghantar pesakit ke hospital yang jauh daripada tempat tinggal masing-masing," katanya.